

## **BAB II**

# **LANDASAN TEORI**

## BAB II

### PEMBINAAN SAHSIAH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

#### 1. Pengenalan

Pembinaan sahsiah atau pun peribadi adalah satu elemen yang penting dalam Risalah Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Aspek pembinaan insan menjadi satu keutamaan di dalam masyarakat kita hari ini dan diinterpretasikan sebagai proses membangunkan peribadi insan secara komprehensif. Program pembinaan ini amat sinonim dengan istilah ‘*tarbiyah*’ di kalangan kumpulan dakwah.

Sahsiah dan akhlak amat sinonim dan tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain. Akhlak merupakan satu sifat yang tertanam di dalam jiwa yang melahirkan kelakuan secara sukarela samada baik ataupun buruk, sifat-sifat ini samada semulajadi atau pun diusahakan. Tabiat akhlak ini adalah menerima kesan perubahan pendidikan samada baik ataupun buruk<sup>1</sup>.

Peribadi dapat ditakrifkan sebagai sesuatu yang sama dengan konsep organisme tingkah laku yang disebutkan sahsiah. Ia dianggap satu organisme sistem zahir batin psikologikal yang dinamik di dalam diri seseorang yang menentukan penyesuaian dengan alam persekitaran dengan cara yang unik atau tersendiri<sup>2</sup>. Sahsiah insan terbahagi kepada dua iaitu yang berupa sifat semulajadi

<sup>1</sup> Abū Bakar Jābir al-Jazā'irī (1964), *Minḥāj al-Muslim*. Kaherah : Dār al-Fikri al-'Arabi, h.152.

<sup>2</sup> Gordon W. Allport (1937), *Personality : A Psychological Interpretation* (t.p). New York, h. 48.

( *fitrah* ) yang dikurniakan oleh Allah S.W.T semenjak dilahirkan samada mewarisi genetik ibu atau pun bapa dan satu lagi sifat yang boleh dibina dan diusahakan dengan cara dan metode yang tertentu samada baik atau pun buruk<sup>3</sup>.

Perubahan keperibadian ialah perubahan suasana dan keadaan masyarakat dan pendidikan membawa kepada perubahan sahsiah. Sahsiah ialah sifat jasmaniah dan cara berfikir dan merasa yang menyatakan diri pada tabiat yang membezakan seseorang daripada orang lain<sup>4</sup>.

Tamadun manusia tidak bererti tanpa sahsiah dan akhlak mulia yang menjadi asas penilaian baik dan buruknya seseorang manusia. Generasi belia yang berjaya dengan cemerlang ialah generasi yang memiliki pendidikan Islam secara komprehensif, akalnya dibekalkan dengan semua ilmu, badannya dilatih dengan segala kekuatan, ibadat khusus dan umum serta sahsiahnya ditanam dengan nilai murni dan mulia<sup>5</sup>.

Rasulullah s.a.w. adalah model individu bersahsiah mulia dan pembina sahsiah yang paling unggul ketika umat Islam mengalami keruntuhan sahsiah dan akhlak<sup>6</sup>. Akhlak Baginda adalah al-Qurān sebagaimana kata Qaṭādah bahawa

<sup>3</sup> 'Abd al-Rahmān b. Hassan Hanbah al-Maidāni (1999), *al-Akhlaq al-Islāmiyyah Wa Ususuhā*, , j. 1, c. 5, Dimasyq : Dār al-Qalam, h. 178,179.

<sup>4</sup> Sidi Gazalba Drs. (1983), *Islam Dan Perubahan Sosio Budaya : Kajian Islam Tentang Perubahan Masyarakat*, Kuala Lumpur : Pustaka Antara, h. 78-79.

<sup>5</sup> Al-Qaradāwī Dr. (1996), *Wajah Baru Visi Dua Tokoh*. Terj. Yusof Abdullah, Ucapan Program Himpunan Belia Bersama al-Qārāḍāwī, Kuala Lumpur : Pusat Kajian Kepemimpinan Dan Pembangunan (CELDEC) blue : T Sdn. Bhd., h. 29.

<sup>6</sup> Ahmad b. 'Abd al-'Azīz b. Qāsim al-Haddād Dr. (1999), *Akhlaq al-Nabi Fī al-Qurān Wa al-Sunnah*, j. 1, c. 2, Beirut : Dār al-Gharb al-Islāmī, h. 43.

‘Āishah r.a pernah ditanya tentang akhlak Baginda dan katanya : “ *Akhlaqnya adalah al-Qurān*”<sup>7</sup>. Justeru Allah S.W.T. telah memuji baginda di dalam al-Qurān sebagaimana firmanNya :

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ (٤)

Surah al-Qalam (68): 4

Maksudnya : *Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang sangat-sangat mulia*<sup>8</sup>.

‘Atiyyah mengatakan, maksud budi pekerti yang tinggi ialah adab yang sangat tinggi<sup>9</sup>.

Konsep pembinaan sahsiah telah dijelaskan oleh Allah S.W.T. di dalam al-Qurān di dalam bentuk sifat-sifat yang mesti dimiliki oleh individu muslim untuk mencapai tahap cemerlang dan berjaya di sisiNya. Firman Allah S.W.T. yang berbunyi :

فَدُّ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ① الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَدِشُونَ ②

<sup>7</sup> Al-Imām Abū ‘Abd Rahmān Ahmad b. Syu’āib b. ‘Alī b. Bahr al-Nasā’ī (t.t), *Sunan al-Naṣā’ī*, *Bi Syarh al-Hāfiẓ Jalālu al-Dīn al-Suyūṭī*, Kitāb Qiyām al-Lail, j.2. Kaherah : Dār al-Rayyān, h. 52.

<sup>8</sup> ‘Abd Allah Basmīl (1998), *Tafsir Pimpinan al-Rahmān Kepada Pengertian al-Qurān*, c. 15. Kuala Lumpur : Dār al-Fikr, h. 1274.

<sup>9</sup> Ibnu Kathīr (t.t), *Tafsīr al-Qur’ān al-Azīm* j. 8. Kaherah : Dār al-Sya’b, h. 214.

وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ الْلَّغْوِ مُعَرِّضُونَ ٢  
 وَالَّذِينَ هُمْ لِلَّرَكْوَةِ فَنَجِلُونَ ٣  
 وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ٤ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكُ  
 أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ٥ فَمَنِ ابْتَغَنَ وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ  
 هُمُ الْعَادُونَ ٦ وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْنِتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاغُونَ ٧  
 وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَواتِهِمْ يُحَافِظُونَ ٨ أُولَئِكَ هُمُ الْوَرِثُونَ ٩  
 الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَلِيلُونَ ١٠

Surah al-Mu'minun (23) : 1-11

Maksudnya : Sesungguhnya berjayaalah orang-orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya. Dan mereka menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia, dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu), dan mereka yang menjaga kehormatannya, kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka sesungguhnya mereka tidaklah tercela. Kemudian sesiapa yang mengingini selain yang demikian, maka merekaalah orang-orang yang melampaui batas. Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya, dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya. Mereka itulah orang-orang yang berhak mewarisi, yang akan mewarisi syurga Firdaus. Mereka kekal di dalamnya <sup>10</sup>.

Ayat ini mempunyai nilai yang tersendiri di mana Allah S.W.T. telah menggariskan sahsiah muslim di ufuk yang paling tinggi iaitu ufuk Muhammad sebagai sebaik-baik kejadianNya yang telah dididik olehNya dengan sebaik-baik didikan <sup>11</sup>.

<sup>10</sup> 'Abd Allah Basmīl (1998), *op.cit.*, h. 712, 713.

<sup>11</sup> Sayyid Qutb (1986), *Fī Zilāl al-Qur'ān*. J. 4. Kaherah : Dār al-Syurūq, h. 2249.

Dalam keadaan dunia yang sedang menunggu kehancuran datanglah Nabi Muhammad s.a.w di Semenanjung Arab yang kering kontang. Baginda s.a.w telah membina masyarakat Islam yang pertama. Pembinaan peribadi di Mekah adalah satu proses yang sangat penting dalam sejarah Islam. Islam berhasil mengubah seorang Arab secara total seolah-olah makhluk baru telah tercipta<sup>12</sup>. Tarbiyah yang dilaksanakan oleh Baginda telah melahirkan para sahabat yang bersahsiah mulia dan menjadi contoh teladan kepada umat manusia di sepanjang zaman. Generasi terkemudian yang menggunakan panduan al-Qurān dan al-Hadīth sebagai teras pembinaan sahsiah berjaya lahir sebagai pendidik (*murabbi*) yang tersohor di dunia di antara mereka ialah al-Fārābī<sup>13</sup>, Ibnu Ṣīna<sup>14</sup>, al-Ghażālī<sup>15</sup> dan Ibnu Khaldūn<sup>16</sup>.

Al-Fārābī telah menulis sebuah kitab yang berjudul Ārā' Ahlu al-Maqīnah al-Fādilah yang membicarakan tentang akhlak, Ibnu Ṣīna telah menyusun sebuah kitab yang berjudul ‘al-Siyāsah’ yang membahaskan tentang bagaimana mengajar dan memperadabkan anak-anak, al-Ghażālī telah menghasilkan kitabnya yang masyhur iaitu ‘Ihyā’ Ulūm al-Dīn’, ‘Mīzān al-‘Amal’ dan ‘al-Risālah al-Laduniyyah’ tentang tasyauf dan akhlak, manakala Ibnu Khaldūn pula telah menulis sebuah kitab yang bertajuk ‘Muqaddimah’ tentang sosiologi dan

<sup>12</sup> Ahmad Shalaby Dr. (1976), *Masyarakat Islam*, terj. Prof Mukhtar Janja. Singapura : Pustaka Nasional, h. 11.

<sup>13</sup> Lahir di Fārāb, Khurāsān pada tahun 259-339 H / 872-950M.

<sup>14</sup> Lahir pada 428-1037 H / 370-970 M.

<sup>15</sup> Lahir pada 450-505 H / 1058-111 M di Ghazālah, Tūs, Khurāsān.

<sup>16</sup> Lahir pada 732-808 H / 808-1406 M. Lihat : Muhammad Ahmad Jād Subhi (1993), *al-Tarbiyah al-Islāmiyyah*, Dirāsah Muqāranah, . j. 1. Beirūt : Dār al-Jīl, h. 383. Lihat juga Ahmad b. ‘Abd al-‘Aziż b. Qāsim al-Hadḍād Dr. (1999), *op.cit.*, h. 40.

peradaban<sup>17</sup>.

## 2. Matlamat Pembinaan Sahsiah

Pembinaan sahsiah di dalam Islam mempunyai matlamat tertentu yang memungkinkan individu mencapai keredaan Allah S.W.T. Kebendaan bukanlah menjadi matlamat manusia diciptakan sebaliknya alat untuk mencapai keredaan Allah S.W.T. Matlamat pembinaan sahsiah di dalam Islam berkait rapat dengan falsafah pembinaan sahsiah itu sendiri sebagaimana berikut<sup>18</sup>:

### 2.1. Perspektif Terhadap Kejadian

Allah S.W.T. mencipta sesuatu dengan mempunyai tujuan dan manfaatnya. Segala kejadian ini adalah untuk dikaji oleh manusia agar mereka mengenali Allah dan menginsafi kekerdilan mereka. Kejadian Allah adalah tanda kekuasaan Allah Yang Maha Agung dan manusia mesti mengabdikan diri hanya kepadaNya. Individu yang mengenali Allah akan sampai kepada keimanan yang sejati dan ini akan dimplementasikan melalui tingkah laku dan amal baiknya di atas muka bumi ini. Pengkajian yang mendalam terhadap kejadian Allah amat perlu dan daripada sinilah akan lahir sifat tolong-menolong sesama insan untuk manfaat seluruh alam. Manusia akan lebih kreatif dan inovatif di dalam mencipta sesuatu yang baru yang akan memberikan kesenangan dan membahagiakan masyarakat.

---

<sup>17</sup> 'Abd al-Rahmān b. Hassan Hanbakah al-Maidāni (1999), *op.cit.*, h. 600-601.

<sup>18</sup> Muhammad Ahmad Jād Subhi (1993), *op.cit.*, h.185.

## **2.2. Perspektif Terhadap Manusia Dalam Semua Skop Kehidupan<sup>19</sup>**

Pembinaan Sahsiah adalah merupakan pertumbuhan jisim dan mental seseorang secara menyeluruh yang akan melahirkan insan yang terdidik daripada aspek akhlak, roh, emosi, sosial, dan amalan. Ia juga sebagai medium mengenalpasti tuntutan dan keperluan untuk pendidikan insan yang sempurna. Semua ini adalah berkaitan dengan sifat kepemimpinan yang melayakkan manusia menjadi ‘*Khalifah*’ Allah yang mampu mengeksplorasi sumber-sumber berlandaskan ajaranNya.

## **2.3. Perspektif Terhadap Kehidupan**

Mempercayai wujudnya dua kehidupan yang berbeza iaitu dunia dan akhirat. Dunia adalah tempat orang yang beriman beramal ‘*soleh*’, berusaha bersungguh-sungguh di dalam pekerjaan yang akan membawa hasil dan produktiviti. Akhirat ialah tempat manusia akan diadili oleh Allah dan menerima balasan baik atau buruk mengikut amalan seseorang. Kepercayaan ini akan melahirkan insan mulia dan mempunyai sifat seorang ‘*Khalifah*’ Allah yang akan memakmurkan muka bumi ini. Kepercayaan kepada dua kehidupan ini hanya terdapat pada insan yang istimewa dan ia mempunyai berbagai kebolehan yang tidak dapat ditandingi oleh orang lain.

Berdasarkan falsafah ini maka lahirlah matlamatnya sebagaimana berikut<sup>20</sup>:

### **2.3.1. Mendidik manusia ke arah kebaikan dan saling hormat menghormati**

<sup>19</sup> *Ibid.*, h. 185. Lihat juga Ahmad b. ‘Abd. al-‘Aziz Dr. (1999), *op.cit.*, h. 241.

<sup>20</sup> *Ibid.*, h. 185.

di antara satu sama lain. Manusia dibina dan dididik dengan sifat dan kemahiran yang melayakkan mereka digelarkan sebagai ‘*Khalīfah*’ yang akan memakmurkan muka bumi ini. Insan yang dilahirkan melalui proses pembinaan ini mempunyai berbagai kebolehan, kemahiran dan keistimewaan yang amat banyak.

2.3.2. Mendidik insan menjadi pendakwah yang akan menyeru manusia supaya patuh kepada perintah Allah S.W.T. dan menjauhi laranganNya. Sifat semulajadi manusia sentiasa lupa kepada tanggungjawab mereka. Justeru, mereka memerlukan kepada orang yang akan memperingatkan mereka<sup>21</sup>. Pendakwah yang baik ialah yang mempunyai fizikal yang sihat, ilmu yang mendalam, kemahiran bahasa, roh yang tinggi (*akhlāq*) dan hubungan yang baik di antara mereka dan orang yang yang didakwah.

2.3.3. Membina peribadi muslim yang mempunyai nilai-nilai akhlak yang mulia. Individu yang mengamalkan ajaran Allah S.W.T dan mengikut ‘*sunnah*’ Rasulullah s.a.w di dalam kehidupan berdasarkan akidah yang benar. Sahsiah yang mulia menjadi benteng kepada seseorang muslim daripada melakukan kesalahan dan dosa terhadap Allah S.W.T<sup>22</sup>.

2.3.4. Mewujudkan rumahtangga Islam di mana semua ahli keluarga mentaati perintah Allah S.W.T seperti mendirikan solat dan menutup aurat<sup>23</sup>. Ahli keluarga hidup dalam keadaan harmoni dan persekitaran yang kondusif untuk

<sup>21</sup> Alī ‘Abd. al-Halim Mahmūd (1992), *Manhaj al-Tarbiyah ‘Inda Al-Ikhwān Al-Muslimīn, Dirāsah Tahdīliyyah Tarīkhiyyah*, J. 2, c. 2. Kaherah : Dār al-Wafā’, h. 780.

<sup>22</sup> *Ibid.*, h. 747. Lihat juga Yūsuf al-Qaradāwī Dr. ( 1988), *al-Hallu al-Islāmī*, c. 12. Kaherah : Mu’assasah al-Risālah, h. 57.

<sup>23</sup> *Ibid.*, h. 763.

perkembangan fizikal dan mental anak-anak. Anak-anak taat kepada kedua ibu bapa dan ibu bapa memberikan sepenuh perhatian kepada pendidikan sahsiah anak-anak. Rumah tangga Islam akan melahirkan individu Islam yang akan melahirkan masyarakat Islam seterusnya sebuah negara yang benar-benar beridentitikan Islam.

2.3.5. Al-Nahlawi berpendapat, matlamat terakhir pendidikan dan pembinaan ini adalah bertujuan untuk mengabdikan diri dan masyarakat kepada Allah dalam semua aspek kehidupan<sup>24</sup>. Perkara ini jelas terdapat dalam al-Qur'an yang berbunyi :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ (٥٦)

Surah al-Zariyat (59) : 51

Maksudnya : *Dan (Ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu*<sup>25</sup>.

Berasaskan kepada ayat di atas, Ibnu Kathir mentakrifkan tujuan kejadian manusia ialah beribadat kepada Allah, bukan bermatlamat untuk keperluan sahaja tetapi secara sukarela atau terpaksa<sup>26</sup>. Bagi al-Qurtubi pula, lafaz tersebut adalah umum tetapi maknanya khusus di mana penyembahan bermaksud mentauhidkan

<sup>24</sup> 'Abd al-Rahman al-Nahlawi (1996), *Ushul al-Tarbiyah al-Islamiyyah Wa Aslibuhah Fi al-Bait Wa al-Madrasah Wa al-Mujtama'*, c. 3. Beirut : Där al-Fikr, h. 108.

<sup>25</sup> 'Abd Allah Basmih (1998), *op.cit.*, h. 1151.

<sup>26</sup> Ibnu Kathir (2000), *Tafsir al-Qur'an al-Azim*, j. 4, c. 1. Beirut : Där Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, h. 230.

diri kepada Allah S.W.T<sup>27</sup>.

2.3.1.6. Menurut al-'Abrāšī<sup>28</sup>, matlamatnya ialah menyediakan pelajar menjalani kehidupan murni dengan penuh tanggungjawab ke arah pembentukan sahsiah Islam<sup>29</sup>. Pendidikan boleh membantu menyelesaikan masalah diri dan masyarakat serta memberikan persediaan kepada pendidik agar dapat menghadapi orang-orang yang di bawah pengawasan mereka<sup>30</sup>.

2.3.1.7. Al-'Attāš berpendapat ia bukan sekadar mendapatkan pengetahuan dan kemahiran untuk melayakkan diri memasuki sesuatu kerjaya. Ia juga bukan untuk mendapatkan wang agar hidup dengan selesa dan dihormati tetapi lebih kepada usaha memperbaiki sahsiah<sup>31</sup>. Al-Għażali<sup>32</sup> pula memberikan penekanan kepada latihan untuk memupuk manusia agar terhindar daripada sifat-sifat terkeji yang boleh mengancam roh<sup>33</sup>. Justeru, 'Afīfi telah mengingatkan bahawa pendidikan Islam hendaklah tidak berbentuk kebendaan semata-mata<sup>34</sup>. Matlamat terakhirnya ialah penerapan konsep keagungan Allah S.W.T ke dalam jiwa hambaNya yang bertakwa<sup>35</sup>.

---

<sup>27</sup> Al-Qurtubi (1995), *Al-Jāmi' Li Ahkām al-Qur'ān*, j. 17, c. 1, Beirut, Lubnān : Dār 'Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, , h. 55.

<sup>28</sup> Al-'Abrāšī (1967), M.A., *Education In Islam*. Kaherah : The Supreme Council For Islamic Affairs, Studies In Islam Series, h. 11.

<sup>29</sup> Abd. al-Jawwād Sayyid Bakr (1983), *Falsafah al-Tarbiyah al-Islāmiyyah Fī al-Hadīth al-Shārif*. T.T.P. : Dār al-Fikr, h. 74.

<sup>30</sup> Syed Muhammad Naqib al-'Attās (1979) , *Aims And Objectives Of Islamic Education* , Jeddah : Hodder & Stoughton, King Abdul Aziz Universiti, h. 91.

<sup>31</sup> Al-Għażali (t. t), *Ihyā' Ulūm al-Dīn*, j. 3. Dimasyq : Maktabah 'Abd. al-Wakīl al-Dārūbi, h. 286.

<sup>32</sup> Muhammad Hādi 'Afīfi (1974). *Fī Uṣūl al-Tarbiyah*. Kaherah : Maktabah al-Anjali, h. 82.

<sup>33</sup> Muhammad Hamid al-Afendi & Nabi Ahmad Baloch (1980), *Curriculum And Teacher*

### 3. Proses Pembinaan Sahsiah

Proses pembinaan sahsiah bermula daripada pemilihan pasangan hidup lagi. Isteri yang baik (*solehah*) akan melahirkan zuriat yang baik dengan proses pentarbiyahan yang betul. Anak dilahirkan dalam keadaan '*fitrah*' ataupun suci dan boleh dibentuk mengikut acuan<sup>34</sup>. Rasulullah s.a.w telah bersabda<sup>35</sup>:

مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَإِنْ تَوَلَّهُ مِنْهُ مِنْهُ دَيْنُهُ وَمَنْجَسَاهُ

*Ertinya : Semua anak dilahirkan dalam keadaan suci, maka kedua ibu bapanya lah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani dan Majusi.*

Justeru, proses pembinaan sahsiah bermula semenjak kecil semasa bayi berada di dalam kandungan ibu. Ibu bapa hendaklah selalu memperdengarkan ayat-ayat al-Qurān dan kata-kata yang baik kepada bayi di dalam kandungan ibu kerana dapat memberikan kesan yang baik kepadanya. Apabila dilahirkan, bayi hendaklah diazan dan diiqamatkan, kemudian dinamakannya dengan nama yang baik, diberikan sepenuh kasih sayang<sup>36</sup> dan penekanan kepada beberapa perkara sebagaimana berikut :

---

*Education.* Jeddah : Hodder And Stoughton, King Abdul Aziz University, h. 6.

<sup>34</sup> Muhammad Nor 'Abd. al-Hafiz Suwaid (1999), *Manhaj Al-Tarbiyah Al-Nabawiyyah Li al-Tifli*. Beirut : Dār Ibtu Kathīr, h. 204. Lihat juga Abd. Allah Nāsih Ulwān (1985), *op.cit*, j. 1, h. 38-43.

<sup>35</sup> Al- Imām Muslim b. al-Hajjāj b. Muslim al-Qusyairī al-Nisabūrī Abu al-Husain Hāfiẓ (t.t) *Saḥīḥ Muslim Bi Syarh al-Nawawī*, j. 5, , Kitāb al-Qadar, Bāb Kullu Maulūdīn Yūlādū 'Alā al-Fitrāh, no. hadīth 23. Kaherah : Dār al-Sya'b, h. 512.

<sup>36</sup> Hasan Mohd. Ali Dr. (2000 ), *Mendidik Anak-Anak : Kesilapan Ketara Yang Perlu Diperbaiki*. Kuala Lumpur : SABHA DTP Services Sdn. Bhd. h. 6.

### 3.1. Akidah<sup>37</sup>

Akidah adalah asas keimanan seseorang insan, segala ibadat akan terbatal sekiranya akidah seseorang tidak ‘*sahīh*’. Pembinaan asas tauhid ini akan melahirkan insan yang kasihkan Rasulullah s.a.w., keluarga baginda, sahabat, al-Qurān dan sanggup mengorbankan dirinya untuk jalan Allah S.W.T.<sup>38</sup>.

Tauhid terbahagi kepada dua bahagian iaitu Tauhid ‘*Ulūhiyyah*’ dan ‘*Rubūbiyyah*’. Tauhid ‘*Rubūbiyyah*’ ialah beriktikad bahawa Allah S.W.T Tuhan langit dan bumi dan Pencipta manusia dan benda-benda lain di langit dan bumi. Dia Mentadbir, Memberi rezeki, yang selain daripada Allah tidak boleh memberi mudarat dan manfaat melainkan dengan izin dan kehendakNya. Golongan yang tidak beragama (*atheis*) tidak mempercayai tauhid ini tetapi orang Arab jahiliyah mempercayainya<sup>39</sup>. Tauhid ‘*Ulūhiyyah*’ ialah mengesakan Allah dengan mengabdikan diri kepadaNya, tunduk serta taat secara mutlak dan tidak menyembah melainkanNya, tidak mensyirikkanNya dengan sesuatu di langit dan di bumi. Tauhid tercapai dengan mengumpulkan kedua-dua bahagian tersebut iaitu ‘*Ulūhiyyah*’ kepada ‘*Rububiyyah*’<sup>40</sup>.

Nasihat dan (*mau'izah*) adalah pemangkin kepada contoh teladan (*qudwah*) dan ia mempunyai kesan yang besar di dalam jiwa dan menjadi

---

<sup>37</sup> *Ibid.*, h. 220. Lihat juga Ahmad b. Abd. al-'Azīz b. Qasim al-Haddād Dr. (1999), *op.cit.*, j. 1. h. 40. Lihat juga 'Ali 'Abd. al-Halim Mahmūd (1992), *op.cit.* h. 754.

<sup>38</sup> *Ibid.*, h. 207. Lihat juga Abd. al-Halim Mahmūd Dr. (1994), *Tarbiyah al-Nāṣi' al-Muṣlim*. Kaherah : Dār al-Wafā, h.220

<sup>39</sup> Yūsuf al-Qaradāwī Dr. (1985), *Haqīqat al-Tauhīd*, c. 2. Kaherah : Maktabah Wahbah, h. 20.

<sup>40</sup> *Ibid.*, h. 21.

motivasi di dalam mendidik jiwa<sup>41</sup>. Nasihat yang baik (*mau'izah hasanah*) adalah satu metode dakwah yang disukai oleh manusia dan ia meresap masuk ke dalam hati dengan perlahan-lahan<sup>42</sup>.

Allah S.W.T. telah membentangkan di dalam al-Qurān, bagaimana membina sahsiah anak-anak melalui nasihat yang baik dan akidah, kedua-duanya adalah mukadimah kepada hubungan yang kental kepada Allah S.W.T. Panduan menasihati anak ini terkandung di dalam surah Luqmān<sup>43</sup> ayat 13 hingga 19. Luqmān al-Hakīm telah menasihati anaknya supaya tidak mensyirikkan Allah S.W.T kerana besar dosanya. Wasiat ibu bapa kepada anak-anak dipaparkan berulang-ulang di dalam al-Qurān dan akidah menjadi asas iman kemudiannya solat<sup>44</sup>.

### 3.2. Ilmu<sup>45</sup>

Ilmu adalah sumber terpenting kepada manusia kerana ia mampu membezakan di antara kebenaran dan kepalsuan. Para Nabi tidak mewariskan harta benda kepada umatnya, sebaliknya mereka mewariskan ilmu pengetahuan yang akan memandu manusia di dalam mencari kebahagiaan di dunia dan di

<sup>41</sup> Muhammad Qutb (1993), *Manhaj Al-Tarbiyah Al-Islāmiyyah*, c. 14. Kaherah : Dār Al-Syurūq, h. 87.

<sup>42</sup> Muhammad Tala'at Abū Ṣir Dr. (1986), *al-Du'ātu Ilā Allāh Fī al-Qurān al-Karīm Wa Manāhijihim*, Kaherah : Jāmi'atul al-Azhar, h. 263.

<sup>43</sup> Pendapat yang rajih mengatakan beliau adalah seorang Hamba Allah yang soleh lagi bijaksana, namanya ialah Luqmān b. Sadun dan anaknya ialah Thārān : Lihat Ibnu Kathīr (t.t.) *op.cit.*, j. 2. h. 338.

<sup>44</sup> Sayyid Qutb (1986), *op.cit.*, h. 2788, 2789, 2790. Lihat juga Ibnu Kathīr (t.t.) *op.cit.*, j. 6. h. 338. Lihat juga Sa'īd Hawwā (1989), *al-Asās Fī al-Tafsīr*. j. 8. Kaherah : Dār al-Salām Li al-Tibā'ah Wa al-Nasyru Wa al-Tauzī', h. 4327.

<sup>45</sup> Muhammad. Nor 'Abd. al-Hāfiẓ Suwaid (1999), *op.cit.*, h. 217. Lihat juga Sa'īd Hawwā (1997), *Tarbiyatuna al-Rūhiyyah*, c. 5. Kaherah : Dār al-Salām, h. 97.

akhirat. Allah S.W.T memandang tinggi golongan yang mempunyai ilmu dan meletakkan mereka di kedudukan yang tinggi.

Allah memuliakan manusia dengan akal, kemampuan belajar, Dia menjadikan ilmu sebagai pra syarat menjadi ‘*Khalīfah*’ di muka bumi. Justeru, Islam telah datang dengan menggalakkan pengkajian dan pemikiran ( istilah yang digunakan sekarang sebagai ‘*research and development*’ ) dan melarang daripada ikutan ‘*taqlīd*’ dan jumud (*rigid*)<sup>46</sup>.

Ilmu terbahagi kepada dua iaitu ilmu ‘*fardū ain*’ dan ‘*fardū kifāyah*’ . Anak-anak perlu diajarkan dengan ilmu ‘*fardū ain*’ seperti membaca al-Qurān dengan betul, mengetahui cara-cara beribadat seperti solat, mengetahui halal dan haram dan lain-lain lagi. Ilmu-ilmu ‘*fardū kifāyah*’ pula adalah yang berkaitan dengan perkara keduniaan seperti kejuruteraan, perekonomian dan lain-lain lagi yang boleh memajukan umat Islam<sup>47</sup>. Al-Imām al-Ghazālī telah memasukkan kedua-dua kategori ilmu tersebut ke dalam kategori ilmu yang sangat terpuji (*al-mahmūdah*) untuk dipelajari kerana besar manfaatnya kepada individu dan masyarakat. Sementara itu ilmu sihir, ilmu bintang dan ilmu falsafah ketuhanan (*falsafah ulūhiyyah*) dikategorikan sebagai ilmu yang sangat keji (*al-madhmūmah*) untuk dipelajari kerana boleh membawa kerosakan kepada individu, masyarakat dan negara<sup>48</sup>.

<sup>46</sup> Al-Qaradāwī (1988), *op.cit.*, h. 54.

<sup>47</sup> ‘Abd. Allah Nāsih ‘Ulwān (1985), *Tarbiyah al-Awlad Fī al-Islām* , c. 9, j. 1. Kaherah : Dār al-Salām, h. 701.

<sup>48</sup> Al-Imām Al-Ghazālī (1987 ), *Iḥyā’ Ulūm al-Dīn*. Kaherah : Dār al-Rayyān, j. 1, h. 41-42.

Sumber asasi ilmu ialah al-Qurān dan al-Hadīth, umat Islam diseru supaya memperluaskan ilmu pengetahuan dengan melakukan penyelidikan untuk menyingkap rahsia kejadian alam ‘ *research and development* ’. Dunia moden sekarang ini amat memerlukan umat Islam menguasai semua cabang ilmu pengetahuan termasuk teknologi maklumat dan perhubungan (ICT).

Konsep ilmu di dalam Islam ialah yang bersepadu (*muwahhad*), konsep pengasingan ilmu agama dan ilmu akademik telah pun diperkenalkan di Barat pada abad ke 16 dan 17. Ia lahir daripada fahaman sekularisme yang tidak mengikat kehidupan dengan hukum agama. Dalam Islam tiada pemisahan antara ilmu agama dengan bukan agama. Semua dimensi ilmu hendaklah digabungkan dengan pengetahuan agama<sup>49</sup>. Ilmu pengetahuan yang terasing daripada kepercayaan agama bukan sahaja ilmu yang kurang lengkap malah diiktiraf sebagai kejahilan baru<sup>50</sup>.

### 3.3. Ibadah<sup>51</sup>

Keimanan yang sempurna mestilah diikuti dengan perlakuan yang membuktikan seseorang itu tunduk dan patuh kepada ajaran Allah S.W.T. Konsep ibadah di dalam Islam hendaklah diajar dengan betul supaya segala amalan yang diamalkan diterima oleh Allah. Amalan yang tidak berlandaskan Sunnah Rasulullah s.a.w. akan menjerumuskan seseorang ke dalam melakukan *bid'ah*<sup>52</sup>.

<sup>49</sup> Sayyid 'Alī Asyraf (1994), *Horizon Baru Dalam Pendidikan Islam*, terj. Ismail Ahmad, c. 1, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, KPM, h. 25.

<sup>50</sup> S.S Hussain & S.A Ashraf (1980), *Crisis In Muslim Education*. Jeddah : Hodder & Stoughton, King 'Abd. al-'Azīz University, h.38.

<sup>51</sup> *Ibid.*, h. 230. Lihat juga. Ahmad b. 'Abd. al-'Azīz Dr. (1999), *op.cit.*, h. 241 dan 755.

<sup>52</sup> Sesuatu yang diada-adakan dalam aspek ibadat, tidak berlandaskan sunnah Nabi s.a.w.

Makna ibadat ialah ketundukan yang sempurna dan bercampur dengan cinta ( kepada Allah S.W.T ) yang sempurna. Cinta tanpa tunduk ( patuh ) ataupun tunduk tanpa cinta tidak memenuhi makna ibadat <sup>53</sup>. Ibadat ialah doa, mendirikan syiar agama, tunduk dan patuh kepada apa yang disyariatkan oleh Allah S.W.T, menghalalkan apa yang halal dan mengharamkan apa yang haram <sup>54</sup>.

Solat adalah ibadat yang amat penting dan amalan pertama yang akan dihisab oleh Allah S.W.T di hari pembalasan nanti. Statusnya sebagai tiang agama mesti ditekankan dan hendaklah dilakukan dengan berjemaah. Kalimah solat (*al-solāh*) telah diulang sebut oleh Allah S.W.T di dalam al-Qurān sebanyak 67 kali, manakala perkataan yang terbit daripadanya (*al-solāh*) disebut oleh Allah S.W.T. sebanyak 57 kali <sup>55</sup>. Rukun-rukun Islam yang lain seperti zakat, puasa dan haji juga mesti difahami dan dilaksanakan dengan betul.

### 3.4. Halal-Dan Haram <sup>56</sup>

Allah S.W.T. melalui al-Qurān dan al-Haḍīth dengan jelas telah menggariskan tentang halal dan haram walaupun ada beberapa kesamaran yang diminta umat Islam menjauhinya. Nafsu jahat manusia sentiasa meruntun supaya melakukan perkara haram walaupun Allah S.W.T telah menjanjikan azab yang pedih bagi orang yang melakukannya. Perkara halal yang dibolehkan Islam adalah terdiri daripada kebaikan-kebaikan dan menjaga manusia daripada kemudaratian

---

<sup>53</sup> Al-Qaradāwī (1985), *op.cit.*, h. 22.

<sup>54</sup> *Ibid.*, h. 22-23.

<sup>55</sup> Muhammad Fu'ād 'Abd. al-Bāqī (1987), *Mu'jam al-Mufahras Li Alfāz al-Qur'ān al-Karīm*. Kaherah : Dār al-Hadīth, h. 524, 525.

<sup>56</sup> Muhammad Nor 'Abd. al-Hāfiẓ Suwaid (1999 ), *op.cit.*, h. 237.

tubuh badan, keturunan, kehormatan dan harta benda mereka.

Anak-anak mesti dididik mengenai halal dan haram dalam Islam supaya mereka mempunyai batasan di dalam kehidupan. Pendidikan cara berpakaian yang menutup aurat, hukum pergaulan di antara lelaki dan perempuan, perbuatan meminum minuman keras dan arak, makanan yang halal dan haram dan lain-lain lagi mesti diberi penekanan. Remaja yang tiada batasan hidup, bebas dan menghalalkan semua perkara akan hidup dalam keadaan tidak tenteram dan jauh daripada rahmat Allah S.W.T<sup>57</sup>.

### 3.5. Contoh Teladan<sup>58</sup>

Rasulullah s.a.w. adalah model yang amat sempurna yang mesti dicontohi oleh semua insan. Perbuatan mencontohi Baginda akan menyelamatkan manusia daripada terpengaruh kepada budaya asing yang bercanggah dengan Islam. Rasulullah telah mengajar sahabatnya bagaimana beribadat, bersosial, berjual-beli dan berpolitik. Islam itu adalah agama kehidupan dan bukan terhad kepada sesuatu bangsa dan budaya sahaja bahkan untuk manusia sejagat.

Pembinaan sahsiah melalui contoh teladan adalah paling praktikal dan berjaya, firman Allah S.W.T di dalam al-Qurān :

<sup>57</sup> 'Abd. Allah Nāsih Ulwān (1985 ), *op.cit.*, j. 2, h. 975. Lihat juga Muhammad Qutb (1988 ), *Syubūḥat Haula al-Islām*, c. 18. Kaherah : Dār al-Syurūq, h. 165. Lihat juga Hasan Mohd. Ali Dr. (2000 ), *op.cit.*, H. 58-59.

<sup>58</sup> *Ibid.*, h. 241. Lihat juga 'Abd. al-Rahmān b. Hassan Hanbahah al-Maidānī (1999 ), *op.cit.*, h. 214.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لَمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ  
آخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Surah al-Ahzāb (33) : 21

Maksudnya : Demi sesungguhnya, Adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik ) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan memperingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)<sup>59</sup>.

Sahsiah Rasullullah s.a.w adalah gambaran yang ideal bagi dasar-dasar Islam. ‘Ā’isyah r.a. apabila ditanyakan tentang akhlak Baginda mengatakan “Akhlaknya adalah al-Qurān”<sup>60</sup>. Sahsiah Baginda bukan model mana-mana masa, generasi, umat, mazhab dan suasana, tetapi seluruh alam, manusia dan generasi keseluruhannya<sup>61</sup> sebagaimana firman Allah S.W.T di dalam al-Qurān :

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلنَّعْلَمِينَ (١٠٧)

Surah al-Anbiyā’(21) : 107

Maksudnya : Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam<sup>62</sup>.

<sup>59</sup> ‘Abd Allah Basmīl (1998), *op.cit.*, h. 908.

<sup>60</sup> Muhammad Qutb (1993 ), *op.cit.*, h. 181.

<sup>61</sup> *Ibid.*, h. 184.

<sup>62</sup> ‘Abd Allah Basmīl (1998 ), *op.cit.*, h. 687.

### **3.6. Menyuruh Kebaikan Dan Mencegah Kemungkaran<sup>63</sup>**

Kefahaman aspek di atas adalah amat penting untuk mengelakkan umat Islam daripada bertindak melulu yang akan melahirkan suasana yang kucar-kacir di dalam masyarakat. Aspek ini mestilah dilaksanakan dengan penuh kebijaksanaan dan melihat realiti masyarakat semasa. Tanggungjawab individu dan kerajaan mesti difahami tentang konsep di atas supaya sesuatu tindakan betul mengikut arahan Allah S.W.T dan Rasulullah s.a.w.

Kewajipan ini amat memerlukan kesabaran kerana berbagai-bagai bentuk ujian akan menimpa individu muslim samada berbentuk kesenangan atau pun kesusahan<sup>64</sup>. Sesetengah muslim tahan diuji dengan kesakitan namun lemah apabila menghadapi cubaan yang berbentuk pangkat, harta, wanita dan lain-lain kesenangan lagi.

Di samping aspek-aspek yang telah disebutkan tadi, suasana juga memainkan peranan yang penting di dalam pembentukan sahsiah insan samada baik atau pun buruk<sup>65</sup>. Manusia terutamanya bayi akan terpengaruh dengan suasana (*environment*) di mana ia berada atau dilahirkan. Suasana yang baik dan harmoni (kondusif) akan melahirkan insan yang seimbang pertumbuhan emosi dan fizikal. Bayi yang lahir dalam suasana keluarga yang kacau bilau akan membesar sebagai insan yang rosak jiwanya, lemah mentalnya dan akan membantutkan fizikalnya.

---

<sup>63</sup> *Ibid*, h. 236.

<sup>64</sup> Ibnu Kathîr (t.t), *op.cit*, j. 6, h. 341.

<sup>65</sup> ‘Abd. al-Rahmân b. Hassan Hanbakah al-Maidâni (1999 ), *op.cit*, h . 208.

## 4. Aspek Pembinaan Sahsiah

Beberapa aspek perlu diberikan penekanan dalam proses membina sahsiah insan untuk menghasilkan keseimbangan samada dalam aspek mental, spiritual atau jasmani . Aspek-aspek tersebut adalah sebagaimana berikut :

### 4.1. Aspek Jasmani

Islam tidak memandang rendah aspek jasmani bahkan jasmani adalah punca kekuatan akal. Sayyidinā ‘Umar r.a. telah menyatakan “ *Ajarkanlah anak-anak kamu memanah, berenang dan menunggang kuda*”<sup>66</sup>. Al-Imām al-Ghazālī melarang kita menegah anak-anak bermain kerana akan mematikan hatinya, menghadkan keseronokannya dan menyebabkan mereka tidak minat belajar<sup>67</sup>. Rasulullah s.a.w sendiri pernah berlumba lari dengan Sayyidatunā Ā’ishah r.a., kadang-kadang Baginda s.a.w yang menang dan kadang-kadang ‘Ā’ishah r.a. yang menang<sup>68</sup>. Ibadat ‘*Sa‘e*’ semasa mengerjakan ibadat Umrah dan Haji juga adalah simbol keperluan kekuatan jasmani<sup>69</sup>.

Pembinaan sahsiah melalui aktiviti sukan seperti bola sepak, tenis, badminton dan lain-lain lagi akan menguatkan jasmani yang akan melahirkan

<sup>66</sup> Muhammad Ahmad Jād Subhi (1993), *op.cit.*, h. 52-55. Lihat juga ‘Abd al-Halīm Mahmūd Dr. (1992), *op.cit.*, h. 287-300. Lihat juga ‘Alī ‘Abd. al-Halīm Mahmūd ( 1992 ), *op.cit.*, h. 747, 1129-1132. Lihat juga Ahmad Khalil Jumu’ah (2001), *Al-Thīfu fī Dau’i al-Qurān Wa Al-Sunnah Wa Al-Adab*. Dimasyq. Beirut : al-Yamāmah Li al-Tibā’ah Wa al-Nasyru Wa al-Tauzī’, h.105.

<sup>67</sup> Muhammad Ahmad Jād Subhi (1993 ), *op.cit.*, h. 55.

<sup>68</sup> Muhammad Qutb ( 1993 ), *op.cit.*, h. 105.

<sup>69</sup> *Ibid.*, h. 106.

insan yang sihat dan berproduktiviti tinggi. Sabda Rasulullah s.a.w<sup>70</sup> :

الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الْمُعْنِفِ

Ertinya : *Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dikasih oleh Allah daripada mukmin yang lemah.*

Islam tidak melarang umatnya daripada aktif dalam sukan selagi mana ia tidak bertentangan dan mematuhi peraturannya seperti menutup aurat dan menuaikan kewajipan seperti solat.

Aspek makanan juga mesti diambil perhatian kerana ia akan membentuk fizikal dan mempengaruhi kesihatan manusia. Firman Allah S.W.T di dalam al-Qurān :

يَتَأْكُلُونَ مَا لَمْ يَرْزُقْنَاكُمْ وَآشْكُرُوا لِلَّهِ إِنْ كُنْتُمْ إِيمَانَهُ تَعْبُدُونَ

Surah al-Baqarah (2) : 172.

Maksudnya : *Wahai Orang-orang yang beriman, Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadaNya*<sup>71</sup>.

<sup>70</sup> Al-Hāfiẓ Abī ‘Abd Allah Muhammād b. Yazid al-Qazwīnī (t.t), *Sunan Ibnu Mājah*, j. 1, , Kitāb al-Zuhd, no. hadīth 79. Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 30.

<sup>71</sup> ‘Abd Allah Basmīl (1998), *op.cit.*, h. 53.

FirmanNya lagi di dalam al-Qurān :

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أَهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ  
وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبْعُ إِلَّا مَا  
ذَكَرْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى النُّصُبِ وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا بِالْأَرْلَيمْ ذَلِكُمْ فِسْقٌ  
الْيَوْمَ يَئِسَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا تَخْشُوْهُمْ وَأَخْشُوْنَ الْيَوْمَ  
أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَنْتُمْ أَعْلَمُ بِعِمَّتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِيَنًا  
فَمَنِ أَضْطُرَ فِي مَحْمَصَةٍ غَيْرَ مُتَجَاهِفٍ إِلَّا مِنْ فِيْنَ اللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ



Surah al-Mā''idah (5) : 3

Maksudnya : Diharamkan kepada kamu (memakan bangkai binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang –binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul, dan yang mati jatuh dari tempat yang tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), dan yang disembelih atas nama berhala; dan (diharamkan juga) kamu menengok nasib dengan undi batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasik. Pada hari ini, Orang-orang kafir telah putus asa (daripada memesangkan kamu) dari agama kamu (setelah mereka melihat perkembangan Islam dan umatnya). Sebab itu janganlah kamu takut dan gentar kepada mereka, sebaliknya hendaklah kamu takut dan gentar kepadaKu. Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah reda akan Islam itu menjadi agama untuk kamu. Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakaninya), kerana sesungguhnya Allah Amat Pengampun, lagi Amat Mengasihani <sup>72</sup>.

<sup>72</sup> 'Abd Allah Basmih (1998), *op.cit.*, h. 197.

Menjadi kewajipan kepada umat Islam menjaga kesihatan jasmani dan tidak boleh sama sekali merosakkan diri dengan apa cara sekalipun sebagaimana firmanNya di dalam al-Qurān :

وَأَنْفَقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا ظَفَرُوا بِأَيْدِيهِمْ إِلَى أَنَّهُمْ لَكَثُرٌ وَأَحْسَنُوا إِنَّ اللَّهَ

يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ١٤٥

Surah al-Baqarah (2) : 195

Maksudnya : *Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil), dan baikkilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu, kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha supaya baik amalannya*<sup>73</sup>.

Allah melarang manusia daripada memakan makanan yang memudaratkan manusia seperti khinzir. Penyelidikan zaman moden menunjukkan di dalam tubuh khinzir terdapat sejenis cacing yang berbahaya kepada manusia dan tidak mati walaupun dididihkan dengan suhu yang tinggi <sup>74</sup>. Antara virus yang telah dikenalpasti berasal daripada babi ialah cacing trichina, flu, PERVS, menangle dan lain-lain lagi. Pada masa ini kita juga dikejutkan dengan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk ( SARS ) yang melanda seluruh dunia terutamanya Hong Kong, Taiwan, China, Vietnam dan Singapura yang dikaitkan dengan virus

<sup>73</sup> *Ibid.*, h. 60.

<sup>74</sup> Muhammad Ahmad Jād Subhi (1993), *op.cit.*, h. 55.

korona daripada binatang dan di antaranya ialah khinzir<sup>75</sup>.

#### 4.2. Aspek Mental<sup>76</sup>

Allah S.W.T telah menjadikan akal untuk manusia gunakan ke arah mendalamai ilmu terutamanya melalui pembacaan sebagaimana firmanNya di dalam al-Qurān :

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ① خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ② أَقْرَأْ وَرَبُّكَ ③ الْأَكْرَمُ ④ الَّذِي عَلِمَ بِالْقَلْمَنْ ⑤ عَلِمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ⑥

Surah al-'Alaq (96) : 1-5

Maksudnya : *Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu Yang Menciptakan (sekelian makhluk). Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Amat Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya*<sup>77</sup>.

Membaca adalah asas ilmu pengetahuan justeru Allah S.W.T telah mewahyukan lima ayat daripada surah ‘al-'Alaq’ ini kepada Rasulullah s.a.w. melalui perantaraan Jibril a.s. dengan seruan membaca<sup>78</sup>. Ilmu amat penting yang dapat memandu manusia ke jalan kebenaran dan membezakannya dengan

<sup>75</sup> Abdullah Sharafi (2003), *Trajedi Penyakit Bawaan Khinzir*, bil. 10, Majalah i , keluaran Ogos 2003. Kuala Lumpur : Karangkraf, h. 40-41.

<sup>76</sup> *Ibid.*, h. 56. Lihat juga 'Abd al-Halim Mahmūd Dr. (1992 ), *op.cit.*, H.259-262. Lihat juga Ahmad Khalil Jumu'ah (2001 ), *op.cit.*, h.103. Lihat juga 'Abd al-Rahmān b. Hassan Hanbah al-Maidāni, *op.cit.*, j. 1, hlm. 112, 113.

<sup>77</sup> 'Abd Allah Basmīl (1998), *op.cit.*, hlm. 1412.

<sup>78</sup> Ibnu Hishām (1987), *al-Šīrah al-Nabawiyah*, j. 1, Beirut : Dār al-Jīl, h.231.

keburukan<sup>79</sup>. Ilmu adalah makanan akal, menurut al-Imām al-Ghazālī agama adalah ubat, ilmu adalah makanan, ubat perlu kepada makanan dan makanan perlu kepada ubat<sup>80</sup>.

Allah S.W.T. telah menggunakan perkataan ‘*Fuād*’ di dalam al-Qurān dengan makna akal atau kekuatan kesedaran pada manusia<sup>81</sup>. Allah S.W.T. telah mengarahkan manusia supaya menggunakan akal untuk berfikir tentang kebesaran Allah, ‘*hikmat al-tasyrī*’ dan sejarah umat-umat yang terdahulu. Peranan akal ialah membersihkan kuasa kebendaan dan digunakan untuk kepentingan manusia<sup>82</sup>.

Akal yang dipandu dengan al-Qurān dapat menyelesaikan segala permasalahan manusia. Akal semata-mata adalah terhad kemampuannya dan selalu tersilap di dalam membuat keputusan. Allah meletakkan akal di tempat yang tinggi sekiranya digunakan ke arah kebaikan. Firman Allah di dalam al-Qurān banyak yang menegaskan tentang kepentingan manusia menggunakan akal terutamanya untuk mengkaji kejadian Allah yang penuh rahsia dan hikmat. Ilmu dan pengetahuan tidak dapat didalami oleh manusia tanpa menggunakan akal yang akan mengakibatkan dunia tidak akan mencapai kemajuan. Akal yang diasuh dengan acuan Islam semenjak kecil akan melahirkan muslim yang sentiasa berfikir ke hadapan dan mencari keredaan Allah sebagai matlamatnya.

<sup>79</sup> Ahmad Jād Subhi (1993), *op.cit.*, h. 56.

<sup>80</sup> *Ibid.*, h. 60.

<sup>81</sup> Muhammad Qutb (1993), *op.cit.* h. 75.

<sup>82</sup> *Ibid.*, h. 79, 84, 82, 92, 97.

### 4.3. Aspek Sahsiah<sup>83</sup>

Rasulullah telah diutuskan oleh Allah kepada manusia sebagai contoh insan yang bersahsiah mulia. Rasulullah s.a.w telah bersabda<sup>84</sup>:

إِنَّمَا يُعَذَّبُ لَا تَئْمِنُّ الْأَخْلَاقِ

Ertinya : Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang baik.

Sabda Rasulullah s.a.w lagi<sup>85</sup>:

إِنْ خَيْرَكُمْ أَخْسَنُكُمْ أَخْلَاقًا

Ertinya : Sebaik-baik kamu ialah yang paling baik akhlaknya.

Manusia dinilai daripada segi sahsiah untuk membezakannya daripada haiwan. Orang yang mulia sahsiahnya sentiasa patuh kepada perintah Allah dan menjauhi larangannya. Firman Allah di dalam al-Qurān yang berbunyi :

وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ

Surah al-Mu'minūn (23) : 2

Ertinya : Dan mereka menjauahkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia<sup>86</sup>.

<sup>83</sup> Sa'īd Ramadān al-Būtī (1995), *Tajribah al-Tarbiyah al-Islāmiyyah Fī Mīzān al-Bahthi*. Dimasyq : Maktabah al-Fārābī, hal.49. Lihat juga Muhammad Qutb (1993), *op.cit.*, h. 61-67.

<sup>84</sup> Al-Imām Dār al-Hijrah Mālik b. Anas (1993), *Al-Muwatta'*, j. 2, c. 2, Kitāb Husnu al-Khuluq, no. Hadis : 1895, Beirut : Mu'assasah al-Riṣālah, h. 75.

<sup>85</sup> al-Imām al-Hāfiẓ Ahmad b. Ḥajar Al-Asqalānī (1987), *Fath al-Bārī Bi Syarh Saḥīḥ al-Bukhārī*, j. 10, Kitāb al-Adab, no. hadīth 6035. Kaherah : Dār al-Rayyān, h. 470.

<sup>86</sup> 'Abd Allah Basmīh (1998), *op.cit.*, h. 712.

Maksud ‘al-laghwu’ di sini ialah kebatilan, syirik maksiat, percakapan dan perbuatan yang tidak berfaedah sebagaimana firrman Allah S.W.T di dalam al-Qurān<sup>87</sup>:

وَالَّذِينَ لَا يَشْهُدُونَ الْرُّوْزَ وَإِذَا مَرُوا بِاللَّغْوِ مَرُوا كِرَاماً

Surah al-Furqān (25) : 72.

Ertinya : *Dan mereka ( yang diredayai Allah itu ialah orang-orang ) yang tidak menghadiri tempat-tempat melakukan perkara-perkara yang dilarang, dan apabila mereka bertembung dengan sesuatu yang sia-sia, mereka melaluinya dengan secara membersihkan diri daripadanya*<sup>88</sup>.

Anak-anak mesti dididik sahsiahnya semenjak kecil kerana mereka masih dalam keadaan fitrah dan fleksibel<sup>89</sup>. Rasulullah s.a.w mengarahkan anak-anak diajar solat semasa umurnya tujuh tahun dan hendaklah dipukul sekiranya masih tidak menunaikan solat semasa berumur sepuluh tahun.

Rukun-rukun Islam seperti puasa, zakat dan haji juga mesti disempurnakan oleh seseorang untuk melahirkan kepatuhan dan sahsiah yang mulia. Ibadat adalah sumber yang suci bagi melahirkan sahsiah yang suci<sup>90</sup>. Sifat-

<sup>87</sup> Ibnu Kathīr ( t.t ), *op.cit.*, j. 3, h. 457.

<sup>88</sup> ‘Abd Allah Basmīḥ (1998), *op.cit.*, h. 770.

<sup>89</sup> Muhammad Nor b. ‘Abd al- Hāfiẓ (1999), *op.cit.*, h. 204.

<sup>90</sup> Muhammad Ahmad Jād Subhi ( 1993 ), *op.cit.*, h. 62

sifat benar, bertolak ansur, tolong-menolong, taat dan amanah adalah sifat seorang muslim yang bersahsiah tinggi dan dikasihi oleh Allah S.W.T.

Masalah umat Islam sekarang ialah kebudayaan bukan Islam yang menjadi cara hidup mereka secara umumnya. Kerana itu pembudayaan dan pemasyarakatan yang berlangsung juga bukan Islam. Maka keperibadian yang terbentuk juga bukan Islam. Kerana umat Islam itu tidak memiliki keperibadian Islam, maka mereka kehilangan identiti. Tidak ada kelihatan perbezaan antara orang Islam dengan bukan Islam. Apa yang difikirkan dan diamalkan oleh orang bukan Islam, itu pula yang difikirkan dan diamalkan oleh orang Islam dalam kehidupan sehari-hari dalam masyarakat. Dalam pergaulan orang Islam dengan bukan Islam kita melihat orang Islam itu tidak memancarkan identitinya sendiri<sup>91</sup>.

#### **4.4. Aspek Roh<sup>92</sup>**

Manusia dijadikan oleh Allah dengan dua unsur iaitu jasad dan roh. Roh ialah sesuatu yang subjektif dan merupakan persoalan yang agak rumit dan tiada batasan tertentu. Kuasa roh dalam manusia adalah kuasa yang paling besar dan kuat hubungannya dengan hakikat-hakikat benda yang wujud<sup>93</sup>. Perkara yang amat sinonim dengan roh ini adalah iman yang sangat sukar untuk disukat dengan mata kasar.

---

<sup>91</sup> Sidi Gazalba Drs. (1983), *op.cit.*, h. 79.

<sup>92</sup> *Ibid.*, h. 74. Lihat juga Ahmad Khalil Jumu'ah (2001), *op.cit.*, h. 103. Lihat juga 'Abd al-Rahmān b. Hassan Hanbakah al-Maidāni (1999), *op.cit.*, h. 22-25. Lihat juga 'Alī 'Abd. al-Halim Mahmūd (1992), *op.cit.*, h. 707.

<sup>93</sup> Muhammad Qutb (1993), *op.cit.*, h. 41.

Allah S.W.T telah berfirman tentang iman ini di dalam al-Qurān :

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ فَلِلرُّوحِ مِنْ أَمْرِ رَبِّيٍّ وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا

قَلِيلًا 

Surah al-Isrā' (17) : 85

Ertinya : *Dan Mereka bertanya kepadamu ( wahai Muhammad ) tentang Roh. Katakanlah : " Roh itu termasuk urusan Tuhanmu, dan kamu tidak diberi pengetahuan melainkan sedikit "*<sup>94</sup>.

Ayat ini adalah arahan supaya manusia menggunakan akal setakat kemampuannya sahaja kerana roh adalah benda ghaib yang Allah S.W.T sahaja yang mengetahuinya. Kemampuan manusia terhad, tidak mampu mentadbir semua kejadian dan hanya terhad sekadar melaksanakan tugasnya sebagai 'Khalīfah'. Roh tidak dapat diketahui bagaimana kedatangannya, ke mana ia pergi dan di mana melainkan setakat yang dijelaskan oleh Allah S.W.T. di dalam al-Qurān<sup>95</sup>.

Aspek roh seperti juga jasad memerlukan makanan yang berupa pengisian jiwa dengan amalan-amalan yang diajar oleh Rasulullah s.a.w. seperti solat berjemaah, solat sunat, puasa, 'qiyāmūllail', zikir, membaca al-Qurān dan lain-lain lagi<sup>96</sup>. Baginda s.a.w sendiri walaupun seorang yang 'ma'sūm'<sup>97</sup> masih lagi

<sup>94</sup> 'Abd Allah Basmīḥ (1998), *op.cit.*, h. 572.

<sup>95</sup> Sayyid Qutb (1986), *op.cit.*, j. 4, h. 2249.

<sup>96</sup> Sa'īd Hawwā (1997), *op.cit.*, h. 98-104.

<sup>97</sup> Terpelihara daripada melakukan dosa.

bermujāhadah<sup>98</sup> dengan melakukan solat malam sehingga bengkak kakinya<sup>99</sup>.

Roh adalah sesuatu yang boleh dididik, Islam telah mendidik roh kerana di dalam al-Qurān terdapat banyak seruan-seruan kepada manusia supaya melihat ‘Āyāt’ Allah pada kejadian kemudian merasai kekuasaanNya sebagai Pencipta<sup>100</sup>.

Rohani yang tinggi dan mantap akan dapat dilihat melalui sahsiah seseorang yang sentiasa tenang dan mendekati Allah dengan banyak melakukan amalan sunat. Insan yang bankrap rohaninya tidak akan dapat menghadapi cabaran dan mudah melakukan keburukan dan jenayah terutamanya yang berupa material seperti rasuah, manipulasi, pecah amanah dan sebagainya.

Roh yang sakit boleh diubati dengan menjaga dua aspek iaitu ‘fitrah’ yang baik dan naluri yang buruk. Sifat semulajadi yang baik mesti dijaga dan disuburi, adapun naluri yang buruk mesti diperangi dengan bersungguh-sungguh (*mujāhadah*) seperti dengan melakukan ‘qiyāmullail’<sup>101</sup>.

## 5. Pembinaan Sahsiah Menurut Pandangan al-Imām al-Ghazālī

Antara tokoh yang tersohor di dalam Islam di dalam aspek pembinaan sahsiah insan ialah al-Imām al-Ghāzalī<sup>102</sup>. Kitabnya ‘*Iḥyā*’ ‘*Ulūm al-Dīn*’ menjadi

<sup>98</sup> Bersungguh-sungguh di dalam ibadat dan melawan nafsu.

<sup>99</sup> Sayyid Qutb (1986 ), *op.cit.*, h. 78-79.

<sup>100</sup> Muhammad Qutb (1993 ), *op.cit.* h. 45.

<sup>101</sup> *Ibid.*, h. 74, 75.

<sup>102</sup> Muhammad Ahmad Jād Subhi (1993 ), *op.cit.*, h. 383.

rujukan ulama-ulama di seluruh dunia terutamanya di Nusantara di dalam membincangkan masalah akhlak dan sahsiah. Penulis akan cuba mengkaji tentang aspek tersebut melaui sejarah hidup dan beberapa buah kitabnya yang masyhur.

### **5.1. Pandangan al-Imām al-Ghażālī Tentang Pembinaan Sahsiah**

Penulis akan cuba menyoroti sejauh mana pandangan beliau tentang pembinaan sahsiah yang akan menjadi panduan kepada umat Islam yang cintakan kesucian jiwa dan dekat dengan Allah S.W.T.

#### **5.1.1. Tasauf medium pembinaan sahsiah**

Beliau meletakkan amalan ilmu Tasauf sebagai medium untuk pembinaan sahsiah insan. Aspek dalaman insan yang berkaitan dengan jiwa, roh, hati dan akal menjadi fokus beliau di dalam kitabnya ‘*Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*’.

Semasa beliau berada di Tüs, beliau telah berguru dengan Syekh Yūsuf al-Nassāj selama tiga tahun . Syekh Yūsuf adalah seorang ulamak Tasauf yang disegani pada masa itu. Beliau telah dilatih melakukan latihan-latihan kerohanian untuk membersihkan jiwanya daripada sebarang kekotoran dosa dan maksiat<sup>103</sup>.

Semasa beliau berada di Naisabur, beliau telah mempelajari ilmu Fiqh dan usulnya, ilmu Ḥadīth dan ulumnya dan ilmu Tasauf dengan gurunya Fadhlū bin Muhammad bin ‘Alī al-Faramdī al-Tūsi dan Yūsuf al-Nassāj<sup>104</sup>. Beliau telah

---

<sup>103</sup> M.M Sharif (1962), *History Of Muslim Philisophy*, j. 1, Wiesbaden, h. 582-583. Lihat juga al-Quesem (1975) *The Ethics Of al-Ghażālī*, Malaysia, h 16.

<sup>104</sup> Muhammad bin Muhammad al-Husainī al-Zabīdī (1959), *Ittiḥaf al-sādah al-Muttaqīn Bi Syarḥ Iḥyā’ Ulūm al-Dīn*. Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah , h. 26.

mengarang ilmu-ilmu falsafah, akidah, mantik, ilmu kalam, akhlak, tasauf dan lain-lain lagi mengikut metode yang berlandaskan al-Qurān dan al-Sunnah. Beliau juga telah memperkenalkan metode penyelidikan yang menggabungkan akal dan rohani dalam melakukan penyelidikan kepada sesuatu disiplin ilmu khususnya ilmu akhlak dan tasauf<sup>105</sup>.

Kitab ‘*Syarhu ’Ajā’ibu al-Qalb*’ menjadi bukti tentang bagaimana beliau membincangkan masalah keajaiban hati<sup>106</sup>. Sebuah lagi risalah karangannya yang berjudul ‘*Kimiā’ al-Sa’ādah*’ juga ada membincangkan permasalahan ini<sup>107</sup>.

Beliau telah menjelaskan di dalam ‘*Ihyā*’ bahawa tentera hati (*jumūd al-Qalb*) boleh difahami melalui dua cara. Cara yang pertama ialah tentera yang boleh dilihat dan difahami melalui penglihatan zahir dan yang keduanya ialah yang tidak boleh dilihat dan difahami melainkan dengan menggunakan ‘*al-bashirah*’ (mata batin hati)<sup>108</sup>.

Melalui konsep pengasingan diri (‘uzlah’), bersungguh-sungguh dalam ibadat (*mujāhadah*) dan latihan (*riyādah*) yang telah diutarakan oleh al-Imām al-Ghazālī memberikan peluang yang luas kepada seseorang manusia untuk beribadat dan berzikir kepada Allah S.W.T dengan khusyuk dan menghitung

---

<sup>105</sup> Ahmad Zaki Ibrahim Dr. (1988), *al-Imām al-Ghazālī Dan Penglibatannya Dengan Orang Lain*, Seminar al-Imām al-Ghazālī dan sumbangannya, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, h. 85.

<sup>106</sup> Al-Imām Al-Ghazālī (1987), *op.cit.*, j. 3, h. 3-24.

<sup>107</sup> \_\_\_\_\_ (1988), *Majmū’ah Rasā’il al-Imām al-Ghazālī : Kimiā’ al-Sa’ādah*, bil. 5. Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 121-142.

<sup>108</sup> \_\_\_\_\_ (1987), *op.cit.*, h. 6.

segala kelemahan dan kekurangan diri dalam menyempurnakan tanggung jawab sebagai hamba Allah S.W.T di muka bumi<sup>109</sup>.

### 5.1.2. Akhlak asas pembinaan sahsiah

Penekanan kepada akhlak yang mulia sangat penting dan akan membina sahsiah muslim sejati. Justeru beliau telah membahagikan akhlak manusia sebagaimana berikut<sup>110</sup>:

5.1.2 (a) Akhlak Syaitan (*Akhlāq al-syayātīn*) iaitu semua perlakuan yang lahir daripada nafsu jahat (*al-nafs*) seperti tipu helah (*al-makru wa al-hilāh*), khianat (*al-khiānat*) dan lain-lain lagi.

5.1.2 (b) Akhlak Binatang (*akhlāq al-bahā'īm*) iaitu semua perlakuan jahat bagi mencapai keseronokan dalam makanan, minuman, tidur dan perkahwinan.

5.1.2 (c) Akhlak Serigala (*akhlāq al-sibā'*) iaitu semua perlakuan yang lahir daripada sifat marah yang membawa kepada pergaduhan dan pembunuhan sesama manusia.

5.1.2 (d) Akhlak Malaikat (*akhlāq al-malā'ikat*) iaitu semua perlakuan yang lahir daripada akal yang membawa kepada kasih sayang, ilmu dan kebaikan.

---

<sup>109</sup> Syekh 'Abd Majid al-'Adawi (1987), *Penawar Kegundahan Hati*. Bandung : Pustaka Husaini, h. 126.

<sup>110</sup> *Ibid.*, bil.5, h. 131.

Beliau menekankan konsep dalaman dan luaran di mana beliau telah mengaitkan fungsi tujuh anggota badan manusia mengikut acuan agama dan disiplin ilmu tasauf<sup>111</sup>. Setiap badan anggota manusia mempunyai fungsi dan hikmat penciptaananya. Mata, telinga, lidah, perut, kemaluan, dua tangan dan dua kaki adalah anggota ciptaan Allah S.W.T. untuk digunakan oleh insan bagi tujuan kebaikan, bukannya kejahatan dan kemaksiatan<sup>112</sup>.

## 6. Pembinaan Sahsiah Menurut Pandangan Ibnu Khaldūn

Ibnu Khaldūn juga adalah antara tokoh Islam yang tersohor dalam berbagai bidang terutamanya sosiologi yang berkaitan dengan kemanusiaan dan pembinaan sahsiah mereka<sup>113</sup>. Melalui sejarah hidup beliau dan kitab-kitabnya yang agung, penulis akan mengkaji tentang teori pembinaan sahsiah insan menurut pemikiran dan pandangan beliau.

Ibnu Khaldūn telah melakukan eksperimen tentang manusia dalam konteks ia sebagai satu komuniti yang amat berpengaruh di dalam menentukan dasar-dasar tamadun kemajuan manusia (*al-'Umrān al-Basyari*). Entiti ini akan membentuk komuniti manusia yang akan menyumbangkan pembinaan negara dan tamadun manusia seluruhnya<sup>114</sup>.

---

<sup>111</sup> Al-Imām Al-Ghazālī (1988), Majmū'ah Rasā'il : Bidayah al-Hidāyah, *op.cit.* bil. 5, h. 60-72.

<sup>112</sup> \_\_\_\_\_ (1988), Majmūah Rasā'il : al-Hikmat Fi Makhlūqātihi Azza Wajalla, *op.cit.* bil. 5 , h. 60-68. Lihat juga \_\_\_\_\_, Ihyā' Ulūm al-Din (1987), *op.cit.* j. 2, h. 155-166.

<sup>113</sup> Muhammad Ahmad Jād Subhi (1993), *op.cit.*, h. 383.

<sup>114</sup> Mustafā Syak'ah Dr. (1992), *al-Usus al-Islāmiyyah Fī Fikri Ibni Khaldūn Wa Nazariyyatuhu*. Kaherah : Dār al-Misriyyah al-Lubnāniyyah, h. 52-53.

## **6.1. Faktor Dalam Dan Luaran Yang Membina Sahsiah**

Beliau telah membuat kesimpulan bahawa masyarakat manusia berkembang dan mengalami proses evolusi hasil daripada faktor-faktor persekitaran yang mengelilingi mereka, di antara faktor-faktor tersebut ialah :

6.1 (a) Kekuatan perasaan kekabilahan (*Ashobiyah*) <sup>115</sup>

6.1 (b) Ikutan (*Taqlid*) <sup>116</sup>

6.1 (c ) Pendidikan

Faktor persekitaran dan dalaman memainkan peranan penting di dalam proses pembinaan sahsiah manusia. Penyelidik akan membentangkan mutiara pemikiran beliau berpaksikan kepada dua faktor tersebut :

### **6.1.1. Faktor Luaran ( Persekitaran )**

Pengaruh luaran seperti keperluan manusia kepada kehidupan bermasyarakat, pengaruh iklim terhadap warna kulit dan akhlak, pengaruh makanan terhadap pembentukan sahsiah dan konsep hidup. Faktor-faktor ini membina sahsiah, konsep dan karektor manusia.

Perbezaan yang berlaku kepada manusia daripada segi kehidupan, berpakaian, warna kulit dan rupa paras adalah disebabkan oleh faktor iklim yang

---

<sup>115</sup> Ibnu Khaldūn (1952), *Muqaddimah : Tahqīq Dr. ‘Abd. Wahhāb Wāfi*, j. 2. Kaherah : Lajnah al-Bayān al-‘Arabi, , h. 422-424.

<sup>116</sup> Sāti al-Hushorī (1968 ), *Dirāsat ‘An Muqaddimah Ibnu Khaldūn*, c. 3. Beirut : Dār al-Kitāb al-‘Arabi, hal. 295.

dialami di negeri masing-masing<sup>117</sup>.

Pengaruh iklim juga telah mempengaruhi proses pembinaan akhlak manusia, orang yang tinggal di negeri sejuk dan panas akan berbeza sahsiah dan akhlak mereka mengikut suasana dan iklim masing-masing<sup>118</sup>.

Orang yang tinggal di negeri panas, iklim ini akan membentuk sahsiah mereka dengan sifat-sifat pemarah, kasar dan emosional<sup>119</sup>. Orang yang tinggal di negeri sejuk akan bersahsiah penyedih, sopan, berhemah dan berperancangan masa depan<sup>120</sup>. Orang yang tinggal di negara Arab yang penuh dengan kesukaran, maka jasmani mereka tegap, kuat dan bersikap terus terang dan cerdas<sup>121</sup>.

#### 6.1.2. Faktor Dalaman

Ibnu Khaldūn secara umumnya telah menyentuh tentang beberapa aspek yang berkaitan dengan pembinaan sahsiah melalui faktor dalaman seperti berikut :

##### 6.1.2 (a) Jiwa (*al-Nafs*)

Manusia dibentuk oleh dua unsur iaitu jasad dan roh<sup>122</sup>, kekuatan jasad manusia adalah kekuatan ‘*hayawāniyyah*’, justeru dengan akal dan rohani sahaja yang menjadikan mereka manusia yang bertutur. Rohani ataupun ‘*al-nafs*’ tidak

<sup>117</sup> Ibnu Khaldūn (1952 ), *op.cit.*, j. 1, h. 282-288.

<sup>118</sup> *Ibid.*, h. 33.

<sup>119</sup> *Ibid.*, h. 336-337.

<sup>120</sup> *Ibid.*, h. 337.

<sup>121</sup> *Ibid.*, h. 339.

<sup>122</sup> *Ibid.*, j. 3, h. 971-972.

boleh dilihat dengan mata kasar tetapi boleh dikesan melalui pergerakan jasmani sebagai alat-alat bagi jiwa yang dieksplotasi oleh manusia untuk mencapai matlamat mereka <sup>123</sup>. Istilah yang digunakan untuk menunjukkan peranan ‘*al-nafs*’ ialah *al-quwā al-irādiyyah*, *al-Quwā al-nuzū’iyyah*, *al-quwwatu al-mudrikah*, *al-quwwatu al-muharrakah*, *al-quwwatu al-mufakkirah*, *al-nafs al-mudrikah*, *al-quwā al-fā’ilah* dan *al-nafs al-nātiqah* <sup>124</sup>. Kewujudan jiwa telah memberikan kesan kepada sahsiah manusia samada perbuatan, pemahaman dan pemikiran.

#### 6.1.2 (b) Akal (*al-'Aql*)

Akal manusia berbeza di antara satu sama lain, beliau telah membahagikan akal kepada tiga bahagian<sup>125</sup> iaitu akal yang boleh membezakan (*al-'aql al-tamyīzī*), akal saintifik (*al-'aql al-tajribī*) dan akal teori (*al-'aql al-nazorī*). Akal manusia berbeza dengan akal Nabi yang mampu menundukkan kekuatan runtunan nafsu binatang seperti syahwat dan marah, justeru mereka boleh memahami perkara-perkara ghaib yang tidak tercapai oleh akal manusia biasa <sup>126</sup>.

#### 6.1.2 (c ) Bakat (*malakah*)

Konsep malakah dan kerelevennannya dengan pembinaan sahsiah manusia dibincangkan secara khusus oleh Ibnu Khaldūn . Antara maksud malakah di sisi beliau ialah satu sifat yang sebatи di dalam jiwa hasil daripada pengulangan

<sup>123</sup> Sāti al-Husorī ( 1968 ), *op.cit.*, h. 415.

<sup>124</sup> *Ibid.*, h. 416.

<sup>125</sup> Ibnu Khaldūn (1952), *op.cit.*, j. 3, h. 975 dan 983.

<sup>126</sup> *Ibid.*, h. 982.

perbuatan<sup>127</sup>. Ia juga bermaksud kemampuan dan kepintaran<sup>128</sup>.

Pembentukan ‘malakah’ dalam diri manusia dapat disebatikan dengan jiwa melalui pengulangan perbuatan sehingga berlaku kesukaan terhadap perbuatan tersebut yang boleh melahirkan sifat, pengulangan perbuatan ini ditambah dengan dengan lebih banyak maka terbentuklah ‘malakah’ yang juga dinamakan sifat yang bersebatii<sup>129</sup>.

#### 6.1.2 (d) Agama dan kepercayaan

Beliau di dalam kitabnya ‘muqaddimah’ telah membincangkan mengenai Tuhan, keNabian, sejarah agama, mazhab dan aliran pemikiran yang wujud pada zamannya dan sebab serta pengaruhnya kepada sahsiah dan kehidupan manusia.

Faktor jiwa, geografi, kemasyarakatan dan peradaban telah mempengaruhi sahsiah seseorang, contohnya tabiat penduduk Maghribi dan Hijaz yang banyak persamannya. Justeru, peradabannya rendah berbanding penduduk Iraq<sup>130</sup>.

Manusia yang terpencil daripada agama mengikut Ibnu Khaldūn adalah orang yang mempunyai kemungkinan besar untuk terpesong sehingga sampai ke tahap binatang buas<sup>131</sup>. Agama adalah faktor kestabilan dan keamanan, manusia

---

<sup>127</sup> *Ibid.*, h. 923.

<sup>128</sup> *Ibid.*, h. 985.

<sup>129</sup> *Ibid.*, j. 1, h. 225.

<sup>130</sup> Abd Allah Syarīt (1971), *Masyākilunā al-Tarbawiyah Wa Kaifa Yuālijuhā Ibnu Khaldūn*, Majallah al-Asālah, bil. 5. Algeria : Kementerian Pelajaran Dan Hal Ehwal Agama, h. 18.

<sup>131</sup> Ibn Khaldūn ( 1952 ), *op.cit.* j. 1, h. 332.

yang mengikut acuan agama yang sempurna akan mendapat kesan-kesan yang besar di dalam jiwa mereka seperti lembut dan tidak hasad dengki<sup>132</sup>.

Agamalah yang membentuk sahsiah dan akhlak manusia menjadi baik, semua syariat agama yang berupa larangan ataupun tegahan adalah bertujuan untuk membentuk manusia yang berakhhlak mulia<sup>133</sup>.

#### 6.1.2 (d) Tamadun (*al- 'Umrān*) Dan Kemodenan

Beliau berpendapat kemajuan peradaban dan ketamadunan yang tinggi membawa manusia kepada kehidupan berpoya-poya, lemah beragama dan mementingkan darjat kedudukan. Golongan ini mempunyai sahsiah dan akhlak yang rosak, lemah jati diri, tiada sahsiah kepahlawanan sejati. Mereka hidup penuh dengan kepura-kepuraan dan menjadi hamba kepada manusia dan pemerintah untuk mendapat habuan yang lumayan. Manusia yang mempunyai ciri-ciri tersebut pada hakikatnya sedang menuju ke arah kehancuran bersama-sama dengan tamadun yang dibinanya<sup>134</sup>. Beliau mengkritik orang yang mempunyai sifat sompong di dalam diri dan mengganggap mereka mempunyai ilmu dan kemahiran yang tidak dapat dicapai oleh orang lain. Golongan ini pada tanggapannya orang yang bersahsiah buruk dan mempunyai penyakit jiwa yang akan membinasakannya. Manusia akan membenci mereka kerana sifat ego dan mereka akan kekal di dalam kemiskinan dan kehinaan sehingga ke akhir hayat<sup>135</sup>.

---

<sup>132</sup> *Ibid.*, j. 2, h. 467.

<sup>133</sup> *Ibid.*, h. 539.

<sup>134</sup> *Ibid.*, j. 3, h. 880

<sup>135</sup> *Ibid.*, j. 3, h. 911-912

## 7. Kesimpulan

Konsep pembinaan sahsiah insan menurut al-Ghazālī dan Ibnu Khaldūn lebih banyak mempunyai persamaannya daripada perbezaan walaupun kedua-duanya lahir daripada aliran dan disiplin ilmu yang berbeza.

Persamaannya ialah daripada sudut pengaruh dalaman dalam membentuk sahsiah manusia walaupun Ibnu Khaldūn tidak menyebutnya secara khusus, tetapi al-Ghazālī telah memberikan penekanan yang lebih kepada aspek dalaman. Mereka berdua telah membincangkan masalah roh, hati, jiwa dan akal yang ada pada diri seseorang individu. Ketiga-tiga unsur itulah sebenarnya yang telah membentuk daya intelektual mereka, kepincangan salah satu daripada unsur ini akan membawa kepada kepincangan intelektual.

Perbezaannya pula ialah di mana Ibnu Khaldūn yang terkenal dalam bidang sosiologi telah membincangkan aspek luaran dengan lebih luas di dalam pembinaan sahsiah insan. Beliau mempunyai pemikiran dan ilmu yang berlainan dengan sarjana dan ulamak yang terdahulu atau sezaman dengannya. Beliau menggunakan metode pemerhatian dan pengamatan dalam setiap analisis terhadap sesuatu perkara yang berkaitan dengan diri manusia dan perkembangan tamadun mereka. Metode ini jarang digunakan oleh ulama-ulamak dahulu dan sezaman dengannya. Beliau tidak menggunakan nas-nas al-Qurān dan Hadīth secara meluas dalam karyanya melainkan terhad di tempat tertentu sahaja. Sebaliknya beliau menggunakan fakta-fakta di sekitar kehidupan manusia itu sendiri di samping sejarah yang dilalui oleh mereka. Metode ini membuka ruang bagi beliau

melakukan analisis yang teliti dan menepati realiti kehidupan manusia secara semulajadi. Beliau berpegang kepada konsep sesuatu itu mesti dibuktikan melalui eksperimen (*tajribah*) atau bukti-bukti yang boleh meyakinkan semua orang di mana sumbernya ialah alam dan manusia. Pemikiran beliau walaupun tidak disandarkan secara langsung kepada al-Qurān dan al-Hadīth yang menjadi sandaran yang paling konkret dan berautoriti kepada umat Islam, namun segala pandangannya dilihat tidak berlawanan dan dapat diterima oleh Islam.

Al-Ghażālī pula di dalam mengenengahkan pandangannya, terutamanya di dalam bidang tasyawuf banyak bersandarkan kepada al-Qurān dan al-Hadīth, walaupun beliau sendiri mengakui kelemahannya di dalam ilmu hadīth. Banyak juga hadīth-hadīth yang digunakan oleh beliau di dalam kitabnya ‘*Iḥyā’ Ulūm al-Dīn*’ terdiri daripada hadīth-hadīth lemah dan palsu yang tidak berasas sama sekali<sup>136</sup>. Hadīth-hadīth yang lemah dan palsu ini kadangkala akan menjadi masalah kepada umat Islam yang tidak mendalamai bidang hadīth kerana mereka mengamalkannya tanpa syarat lebih-lebih lagi hadīth palsu yang mesti ditolak kerana merosakkan amalan dan akidah umat Islam. Syariat Islam menjadikan hadīth sebagai sumber kedua bagi hukum-hukum Islam tetapi semua pihak harus sedar bahawa maksud hadīth sebagai sumber kedua ialah hadīth-hadīth ‘*sahīh*’, bukannya hadīth ‘*da’if*’ atau ‘*maudū*’<sup>137</sup>. Realiti masyarakat di Nusantara amat menghormati karya-karyanya terutamanya kitab ‘*Iḥyā*’ sehingga menganggap semua kandungannya disandarkan dengan hujah-hujah yang ‘*sahīh*’.

<sup>136</sup> Yūsuf al-Qaradāwī Dr. (1993), *Faqāhā Muāṣarah*, j. 2. Kaherah : Dār al-Wafā’ Li al-Tibā’ah Wa al-Nasyri Wa al-Tauzī’, h. 74.

<sup>137</sup> Abdul Haye & Abdul Sukor Dr. (2003), *Islam Dan Manusia*, j. 1, Kuala Lumpur : Zebra Editions Sdn. Bhd., h. 23.

Kedua-dua tokoh Islam ini walau bagaimanapun telah berjaya membentangkan tentang teori pembinaan sahsiah dan kedua-keduanya boleh digabungjalinkan untuk menghasilkan teori yang bernas lagi ideal. Khazanah yang mereka tinggalkan untuk umat Islam amat bernilai dan signifikan, menjadi subjek kajian dan masih relevan hingga ke hari ini.

## 8. Pembinaan Sahsiah Antara Islam Dan Barat Satu Perbandingan<sup>138</sup>

Konsep pembinaan sahsiah mengikut perspektif Islam dan Barat mempunyai pro dan kontra yang menunjukkan Islam amat praktikal dan mampu menghasilkan insan bersepadu. Perbezaan dan persamaan konsep tersebut dapat kita lihat pada beberapa aspek sebagaimana berikut :

### 8.1. Keaslian

Konsep pembinaan sahsiah Islam adalah asli daripada Allah S.W.T. dan diperincikan oleh Rasululullah s.a.w. melalui hadīth-hadīthya. Pengaruh -pengaruh Yunani, Rom, Yahudi, Masihi dan Jahiliyah tidak dapat meresapi ke dalam Islam dengan wujudnya ulama-ulama yang sentiasa menjaga keaslian dan ketulenannya.

Konsep Barat tiada keasliannya kerana ia bercampur baur dengan pengaruh Islam sendiri, aspek kehidupan manusia, kebudayaan, sosial ekonomi dan politik.

---

<sup>138</sup> Muhammad Ahmad Jād Subhi ( 1993 ), *op.cit.*, j. 2, h. 145. Lihat juga Yūsuf al-Qarađāwī Dr. (1988), *Al-Hulūl al-Mustauradah Wa Kaifa Janat 'Alā Ummatinā*, c. 14. Kaherah : Mu'assasah al-Risālah, h. 257-264.

## **8.2. Sumber**

Konsep Islam adalah bersumberkan al-Qurān, al-Hadīth, Ṣirah, sejarah sahabat r.a. dan ijtiḥād imam-imam mazhab<sup>139</sup>. Konsep kembali kepada Islam yang sebenar sebagaimana yang diturunkan oleh Allah S.W.T, sebagaimana yang diseru oleh Rasulullah s.a.w, sebagaimana yang difahami sahabat r.a. dan orang yang mengikuti mereka dengan benar. Sumber Islam bukan berupa kebendaan, demokrasi aliran fahaman manusia dan falsafah mereka<sup>140</sup>. Sumber-sumber ini terpelihara semenjak zaman berzaman dan dijamin oleh Allah S.W.T. walaupun banyak percubaan untuk memalsukannya telah dijalankan.

Konsep Barat adalah bersumberkan akal pemikran manusia semata mata yang sentiasa tersilap dan terhad kepada ruang lingkup kemampuan manusia yang amat terbatas.

## **8.3. Falsafah<sup>141</sup>**

Manusia dilahirkan oleh Allah S.W.T di atas muka bumi untuk menjadi ‘*Khalīfah*’. ‘*Khalīfah*’ mempunyai sifat dan sahsiah yang unggul yang melayakkannya mendapat gelaran yang agung ini .

Akal dikurniakan oleh Allah S.W.T supaya manusia dapat berfikir dan memilih jalan yang benar, bukannya digunakan untuk merosakkan manusia. Akal yang digunakan secara betul dapat memajukan manusia dan menyelamatkan mereka daripada kerosakan dunia dan azab di akhirat nanti.

<sup>139</sup> Ahmad 'Abd. Rahmān Ibrāhīm Dr. (1989), *al-Fadḥā'il al-Khuluqiyah Fī al-Islām*. Kaherah : Dār al-Wafā', h. 24 -34. Lihat juga Sa'īd Hawwā (1997), *op.cit.*, h. 203.

<sup>140</sup> Al-Qaradāwī (1988), *op.cit.*, h. 95.

<sup>141</sup> Ahmad 'Abd Rahmān Ibrāhīm Dr. (1989), *op.cit.*, h. 146.

Manusia dilahirkan dalam keadaan ‘*fitrah*’ dan dicorakkan oleh ibu bapanya mengikut acuan yang dikehendaki samada baik atau buruk. Peringkat perkembangan kanan-kanak adalah period yang penting untuk pertumbuhan fizikal, mental dan emosi.

Kejadian alam adalah tanda kekuasaan Allah S.W.T untuk dilihat dan dikaji oleh manusia. Allah S.W.T tidak menjadikan dunia dan semua makhluk ini sia-sia tetapi mempunyai tujuan agar manusia berfikir dan mengkaji di sebalik kejadianNya Yang Maha Agung itu.

Kehidupan manusia terbahagi kepada dua iaitu dunia dan akhirat. Manusia diberi peluang hidup di atas dunia untuk sementara waktu dan Allah menguji hambaNya dengan beberapa ujian. Manusia yang taat kepada perintah Allah S.W.T akan diberikan nikmat di syurga yang berkekalan.

Menurut falsafah Barat manusia yang mempunyai tubuh badan, boleh bergerak, makan dan minum tiada bezanya dengan haiwan. Konsep pemikiran mereka berdasarkan ‘*mādah*’ iaitu kebendaan semata-mata<sup>142</sup>. Sarjana Barat telah terpengaruh dengan teori falsafah kebendaan kerana kebanyakan daripada mereka telah melepaskan diri daripada ikatan dogma dan ideologi agama. Fahaman materialisme adalah merupakan satu aliran falsafah yang berdasarkan kebendaan dan menolak unsur rohani dan alam spiritual.

---

<sup>142</sup> Muhammad Qutb (1988), *Madḥāhib Fikriyyah Mu'āṣarah*, c. 3. Kaherah : Dār al-Syurūq, h. 297-301.

Alam dan segala kejadian alam adalah teori yang boleh dipastikan melalui eksperimen sahaja. Sesuatu yang tidak boleh diujikaji maka ia adalah tidak benar .

Kehidupan manusia mempunyai nilai-nilai yang konsisten dan berbeza dengan berbezanya masyarakat. Unsur-unsur kehidupan adalah sebab berlakunya perubahan dalam kehidupan manusia.

Konsep sediakala tidak wujud dan (*utopia*) kerana ia adalah sesuatu yang lama dan tak dapat dilihat dan diujikaji, manakala konsep baru diterima oleh mereka kerana benda tersebut adalah baru dan dapat dilihat dan diujikaji.

#### **8.4. Asas-Asas<sup>143</sup>**

Penyaksian kepada Allah S.W.T. Yang Maha Esa sebagai Tuhan dan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai pesuruhNya serta menunaikan kewajipan-kewajipan yang diperintahkan oleh Allah S.W.T seperti solat, puasa, zakat dan haji adalah asas-asas Islam yang wajib dikerjakan oleh setiap muslim mengikut peraturan dan syarat-syaratnya. Perkara-perkara ini adalah asas dan merupakan tiang yang amat kuat bagi pertahanan iman individu muslim.

Asas-Asas Barat pula ialah belajar menjadi hak semua manusia, mereka bebas memilih apa yang mereka kehendaki mengikut norma-norma sesuatu masyarakat. Sifat tolong-menolong sesama manusia dan berkembang persamaan adalah menjadi asas mereka dan hanya untuk kehidupan dunia sahaja tidak sampai kepada asas-asas pembinaan Islam yang mengarah kepada agama, benda dan ruh.

<sup>143</sup> *Ibid.*, h. 147. Lihat juga 'Abd Rahmān b. Hassan Hanbahah al-Maidāni (1999 ), *op. cit.* j. 1, h. 22-25.

### **8.5. Prinsip**

Iman adalah menjadi prinsip hidup muslim dan tanda keimanan yang sempurna ialah amal soleh yang diimplementasikan di dalam kehidupan. Penyembahan kepada Allah S.W.T. adalah langsung tanpa perantaraan yang menyebabkan berlakunya syirik dan kufur kepadaNya. Akidah dan syariat menjadi prinsip hidup dan saling berkaitan antara satu sama lain. Sifat saling hormat menghormati sesama manusia, mendidik jiwa mereka supaya tunduk kepada perintah Allah S.W.T. dan menjauhi laranganNya adalah contoh pembinaan sahsiah yang komprehensif.

Prinsip Barat ialah berpusatkan kepada pendidikan kemudian belajar bagaimana untuk hidup. Bayi adalah permulaan tarbiyah dan ia sangat berkait rapat dengan aspek psikologi dan perkembangan insan. Proses pembelajaran adalah semata-mata untuk hidup dan kebendaan tidak lebih daripada itu.

### **8.6. Pertumbuhan<sup>144</sup>**

Manusia mengalami pertumbuhan secara bersepada dan komprehensif iaitu tubuh badan insan mesti mengalami pertumbuhan akal, akhlak, emosi, ruh, sosial, kecantikan dan perbuatan. Segala aspek pertumbuhan ini tidak boleh dipisahkan antara satu dengan yang lain kerana insan itu bererti keseluruhannya.

Pertumbuhan mengikut konsep Barat mengutamakan tubuh badan sebagai prioriti untuk mempertahankan umat. Justeru kekuatan tubuh badan sama pentingnya dengan ilmu pengetahuan dan pertumbuhan akal dan ilmu tanpa

---

<sup>144</sup> *Ibid.*, h. 148.

disertakan dengan akhlak dan sahsiah. Perkembangan ini tidak seimbang kerana apabila kebendaan telah melampau ia akan melahirkan perkembangan perbuatan dan akan wujud sosial. Aspek roh mengikut mereka kadang-kadang diberikan perhatian dan kadang-kadang tidak yang menimbulkan ketidaksepadan pertumbuhan.

### **8.7. Matlamat**

Matlamat ini telah dibincangkan dengan terperinci di dalam topik yang telah lepas di mana matlamat pembinaan sahsiah di dalam Islam ialah mendidik manusia menjadi mulia, sebagai khalifah Allah S.W.T di atas muka bumi dan mempunyai banyak keistimewaan dan bermacam-macam kebolehan.

Manusia dididik menjadi pendakwah untuk menyeru orang lain melakukan kebaikan dan mencegah kemungkar supaya tidak berlaku kerosakan di atas muka bumi ini.

Islam mendidik ummah tentang asas syariah, syura, keadilan dan persamaan sesama insan. Manusia dijadikan oleh Allah S.W.T dengan keistimewaan yang tertentu dan saling perlu memerlukan, perbezaan warna kulit tidak menjadi sebab untuk mereka saling mendiskriminasi antara satu sama lain.

Aqidah adalah asas yang menjadi titik tolak kepada segala perbuatan insan dan melahirkan keimanan sejati yang dilahirkan dalam bentuk perbuatan ataupun amalan. Semua aspek kehidupan tidak dapat lari daripada elemen akidah yang menjadi tunjang dalam mengabdikan diri kepada Allah S.W.T.

Pembinaan sahsiah insan itu bermatlamatkan agama, sosial, budaya dan ekonomi, dalam erti kata yang lain ia adalah satu proses yang komprehensif dan melahirkan manusia-manusia yang taat kepada Allah S.W.T.

Matlamat pembinaan sahsiah menurut Barat pula ialah untuk menguasai proses asas kehidupan umum iaitu untuk menjaga kesihatan individu dan masyarakat, menghormati dan menjaga keluarga supaya selamat.

Matlamat hanya untuk mendapat pekerjaan baik dan bergaji lumayan, mendapat tempat tinggal yang sempurna dan mengeksplotasi masa kosong ke arah yang berfaedah. Semua ini berbeza di antara sesebuah negara dengan negara yang lain dan sistem sosial yang diamalkan di sesebuah negara.

## **9. Kesimpulan**

Pembinaan sahsiah menurut perspektif Islam lebih jelas, menyeluruh, sempurna dan bersepada kerana mengutamakan semua aspek kehidupan dan keperluan rohani dan jasmani . Sahsiah Islam akan membangunkan insan secara seimbang daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Keperluan kepada kebendaan hanyalah alat untuk mencapai matlamat selagi mana ianya tidak bertentangan dengan kehendak Islam. Sahsiah dan akhlak Islam bukan sekadar nilai-nilai moral yang diterima pakai oleh massa sesuatu tempat bahkan ia adalah untuk manusia sejagat dan sesuai di mana-mana tempat dan masa.

Konsep Barat pula bercampur baur, tidak jelas dan hanya mengutamakan kehidupan dan kesenangan manusia di atas dunia sahaja<sup>145</sup>. Nila-nilai moral yang menjadi pegangan Barat adalah nilai yang tidak universal dan bukan untuk semua umat sepanjang zaman.

Matlamat yang ingin dicapai oleh Barat adalah sesuatu yang objektif dan dapat dirasai oleh pancaindera tanpa melihat bagaimana bentuknya. Segala cara dan kaedah adalah sah dan boleh diguna pakai asalkan matlamat yang diingini tercapai<sup>146</sup>. Sesuatu yang salah di sisi agama terutamanya di dalam politik boleh dilakukan asalkan diterima oleh norma dan nilai moral massa.

---

<sup>145</sup> Fathī al-Darīnī Dr. (1988), *Dirāsāt Wa Buhūth Fī al-Fikrī al-Islāmī al-Mu'āṣar*, j. 1. Beirut : Dār Qutaibah, h. 138.

<sup>146</sup> Muhammad Qutb (1988), *op. cit.*, h. 297-301.